



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 2 () 05/07

ISU KEMATIAN PEGAWAI KADET TLDM SEMASA LATIHAN DI LUMUT

Ekoran dari tuntutan keluarga Pegawai Kadet Graduan (PKG) J Soosaimanicckam kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk memberi penjelasan terperinci berhubung insiden kematian mendiang semasa menjalani latihan di KD Sultan Idris, Lumut pada 19 Mei 2018 lalu.

Selaku Menteri Pertahanan, saya mengambil maklum dan akan meminta pihak TLDM melakukan siasatan segera dan mengeluarkan laporan terperinci mengenai kejadian tersebut. Saya memberi jaminan bahawa siasatan ini akan dijalankan secara bebas dan adil serta tiada sebarang “cover up” akan dilakukan.

Saya juga merayu agar pihak keluarga mendiang bersabar dan menunggu sehingga siasatan selesai dijalankan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya terbukti ada pihak yang terlibat dalam salah laku sehingga menyebabkan kematian PKG J Soosaimanicckam.

Haji Mohamad Bin Sabu
Menteri Pertahanan Malaysia

13 Julai 2018

-tamat-